

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG AKAUNTAN**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN KEWANGAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN:** SOKONGAN  
**TARIKH KUATKUASA** : 1.1.2001

Gred	Jadual Gaji Matriks
Gred W6	: P1T1 RM865.70 - P1T25 RM2119.70 P2T1 RM916.30 - P2T25 RM2251.70 P3T1 RM969.10 - P3T25 RM2388.10
Gred W5	: P1T1 RM1743.50 - P1T12 RM2530.00 P2T1 RM1818.30 - P2T12 RM2641.10 P3T1 RM1896.40 - P3T12 RM2755.50

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - (c)
      - (i) diploma dalam bidang pengajian perdagangan, pengajian bank, pengajian perakaunan daripada institusi pengajian tinggi awam tempatan atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; (Gaji permulaan ialah pada Gred W6: P1T5);
      - (ii) *Licentiate of Chartered of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred W6: P1T8);

dan

    - (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
  2. **SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN** Anggota sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Akauntan, Pembantu Tadbir (Kewangan) adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W6 tertakluk kepada kcosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
  - (ii) lulus Peperiksaan Khas;
- dan (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN** 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred W6 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN** 4. (a) Penolong Akauntan Gred W6 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 3 tahun.
- (b) Penolong Akauntan Gred W6 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan tidak dikehendaki melalui tempoh percubaan.
- LATIHAN** 5. Penolong Akauntan boleh dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PEPERIKSAAN/ KURSUS INDUKSI** 6. (a) Penolong Akauntan Gred W6 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- (b) Penolong Akauntan Gred W6 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan dikehendaki:-
- (i) hadir dengan jayanya kursus induksi sebelum disahkan dalam perkhidmatan; dan
  - (ii) lulus Peperiksaan Perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan sebelum layak dipertimbang untuk kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN** 7. (a) Penolong Akauntan Gred W6 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (i) memenuhi tempoh percubaan.
  - (ii) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus Peperiksaan Perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- (b) Penolong Akauntan Gred W6 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan boleh disahkan dalam perkhidmatan bila-bila masa selepas 1 tahun apabila telah:-
- (i) memenuhi syarat-syarat di perenggan 6(b) di atas; dan
  - (ii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

- |                                                                                      |     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|--------------------------------------------------------------------------------------|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>PERGERAKAN GAJI<br/>TAHUNAN</b>                                                   | 8.  | Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| <b>KURSUS KENAIKAN<br/>PANGKAT</b>                                                   | 9.  | Ketua Jabatan/Perkhidmatan boleh menetapkan kursus untuk tujuan kenaikan pangkat jika diperlukan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| <b>KENAIKAN PANGKAT<br/>KE GRED W5</b>                                               | 10. | <p>Penolong Akauntan Gred W6 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Akauntan Gred W5 yang kosong apabila telah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) disahkan dalam perkhidmatan;</li> <li>(b) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;</li> <li>(c) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan di perenggan 6 di atas;</li> <li>(d) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di perenggan 9 di atas jika berkenaan; dan</li> <li>(e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</li> </ul> |
| <b>KENAIKAN PANGKAT<br/>SECARA LANTIKAN<br/>KE PERKHIDMATAN<br/>PEGAWAI KEWANGAN</b> | 11. | Penolong Akauntan yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Kewangan Gred W3 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.                                                                                                                                                                                                                                                                            |

**Nota:**

Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuatkuasa pada 1.1.1992.